

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI  
[PASIR MAS]**

**TARIKH : 1 JULAI 2019 ( ISNIN )**

**SOALAN:**

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat manakah fungsi Majlis Tahfiz Negara yang diwujudkan oleh Kerajaan dan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Institut Latihan Guru Tahfiz khususnya bagi memperkasakan pembelajaran tahfiz di sekolah-sekolah yang dimiliki oleh Kerajaan.

**JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Majlis Tahfiz Negara (MTN) merupakan sebuah badan pengiktirafan tahfiz yang diletakkan di bawah Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) bagi mewujudkan dan menyelaras mekanisme pengiktirafan, memberi pengiktirafan kepada huffaz dan juga institusi serta memantau pematuhan standard pengiktirafan. Fungsi majlis ini adalah seperti berikut:

- i. Menyedia Terma Rujukan (T.O.R) dan Tatacara Operasi Standard (S.O.P).

## NO. SOALAN : 43

- ii. Membangunkan satu standard pengiktirafan yang mengambil kira elemen-elemen tertentu yang menjadi asas pengukuran bagi tujuan menaraf dan mengiktiraf individu atau institusi.
- iii. Melantik panel penilai (institusi) dan panel pemeriksa (individu) yang terdiri daripada mereka yang pakar dalam bidang yang berkaitan.
- iv. Memperaku dan memberi pengiktirafan kepada institusi tahfiz atau insitusi yang menawarkan subjek tahfiz tertakluk kepada dasar, keperluan semasa dan permohonan.
- v. Memperaku dan memberi pengiktirafan kepada mana-mana individu yang terlibat secara langsung bagi mengekalkan al-Quran pada bentuk bacaan, hafazan dan amalan; dan
- vi. Memastikan pematuhan standard pengiktirafan dapat dilaksanakan.

Bagi memperkasakan pembelajaran tahfiz di sekolah-sekolah yang dimiliki oleh Kerajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga telah melaksanakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) yang diiktiraf sebagai Kurikulum Kebangsaan di sekolah-sekolah agama KPM secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2014. KBT dibangunkan dengan mengambil kira semua keperluan Kurikulum Kebangsaan sedia ada melalui penambahan subjek yang berkaitan dengan ilmu-ilmu al-Quran dan syariah Islam.

Sebagai usaha menyediakan tenaga pengajar yang terlatih dan memperkasakan pembelajaran tahfiz di sekolah, KPM menyediakan kursus ikhtisas keguruan sebagai kursus praperkhidmatan kepada guru tahfiz yang belum terlatih dan telah diambil berkhidmat oleh KPM. Bagi guru-guru tahfiz sedia ada yang telah mempunyai ikhtisas keguruan, mereka turut menghadiri latihan dalam perkhidmatan bagi meningkatkan profesionalisme dan kompetensi mereka dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) tahfiz.

**NO. SOALAN : 43**

Untuk makluman, pada masa ini Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) di bawah KPM juga menawarkan Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (Tahfiz) dan sedang melatih seramai 286 orang guru tahfiz yang dijangka tamat pengajian pada tahun Jun 2020.

Sekian, terima kasih.